

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

4. Adakah Kerajaan Negeri akan mengeluarkan dasar baru untuk memastikan semua pembangunan komersial akan datang dibina dengan kemudahan dan fasiliti bilik mandi supaya dapat menggalakkan penggunaan basikal sebagai sebuah pengangkutan pilihan untuk pekerja-pekerja?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Kerajaan Negeri sentiasa menyokong penggunaan basikal sebagai alternatif perkhidmatan mobiliti untuk seluruh rakyat negeri Pulau Pinang termasuk penyediaan kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan dengan aktiviti berbasikal seperti penyediaan bilik mandi. Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai dasar secara menyeluruh untuk memastikan kemudahan dan fasiliti bilik mandi dibina di semua pembangunan komersial.

Walau bagaimanapun, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menggariskan bagi mana-mana tapak pemajuan yang melebihi keluasan ruang lantai 50,000 kaki persegi, adalah disyaratkan bahawa tempat mandi, bilik persalinan dan tempat menyimpan barangan disediakan untuk pembangunan komersial, pejabat dan institusi pendidikan yang meliputi luas lantai terbina (*built-up floor area*) melebihi 50,000 kaki persegi. Keluasan lantai sekurang-kurangnya 250 kaki persegi disediakan untuk kemudahan ini. Tambahan seluas 10 kaki persegi untuk kemudahan pengguna basikal disediakan untuk setiap tambahan 10,000 kaki persegi keluasan lantai pembangunan terlibat.